

17 JUL 2003

Mahathir-Singapura

IKLAN UNTUK MAKLUMKAN ORANG RAMAI MENGENAI FAKTA AIR, KATA DR MAHATHIR

SUBANG, 17 Julai (Bernama) -- Alasan di sebalik penyiaran iklan di akhbar-akhbar utama tempatan sejak Ahad lepas berkaitan isu air dengan Singapura ialah untuk memaklumkan kepada orang ramai fakta-fakta mengenai isu itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Orang ramai perlu tahu fakta-faktanya, itu sahaja," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini setibanya beliau dari Ukraine selepas mengadakan lawatan kerja tiga hari ke negara berkenaan.

Ketibaan Dr Mahathir pada kira-kira 7.30 pagi bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng serta kenamaan lain.

Isu air antara Malaysia dan Singapura timbul kembali selepas republik berkenaan menerbitkan sebuah buku kecil yang memuatkan hujahnya mengenai mengapa Malaysia tidak mempunyai hak untuk berunding tentang harga air, yang kini ditetapkan pada 3 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Bagi membalas dakwaan Singapura itu, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menyiarkan iklan di akhbar-akhbar utama tempatan untuk memperjelaskan sebab harga yang terlalu rendah itu perlu dikaji semula.

Kedua-dua buah negara telah menandatangani dua perjanjian air sehingga kini dan harga air yang dijual kepada Singapura tidak pernah dikaji semula sejak 40 tahun lepas.

Semasa ditanya mengenai kenyataan Kementerian Luar Singapura bahawa iklan-iklan itu merupakan isu lama, Perdana Menteri berkata:

"Ianya mungkin (isu) lama tetapi mereka sepatutnya memberitahu kita mengenainya. Banyak orang tidak tahu, jadi ianya mungkin merupakan sesuatu yang baru bagi banyak orang."

Mengenai penarikan balik penggantungan oleh MCA terhadap keanggotaan dua Anggota Dewan Undangan Negerinya di Pulau Pinang, Perdana Menteri berkata Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan membincangkan perkara itu.

"Yang itu, kita akan adakan perbincangan," kata Dr Mahathir, yang juga merupakan Pengerusi BN.

Minggu lepas, Majlis Presiden MCA menerima semula Adun Jawi Tan Cheng Liang dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) selepas keanggotaan mereka digantung selama tujuh bulan.

Majlis itu telah "menggantung tanpa had tempoh" Lim dan Tan pada 16 Dis selepas satu penyiasatan disiplin dalaman berikutan tindakan mereka yang berkecuali dalam usul yang dibawa oleh pembangkang pada Persidangan Dewan Undangan Negeri.

Keputusan mereka untuk berkecuali dalam usul bagi menanggungkan projek Lingkaran Luar Pulau Pinang bernilai RM1.01 bilion menimbulkan kritikan parti-parti komponen BN memandangkan mereka telah melanggar tatasusila perikatan itu.

Pada 7 Jan, Dewan Tertinggi BN mengesahkan keputusan Majlis Presiden MCA untuk menggantung keanggotaan mereka berdua.

-- BERNAMA

SR AZZ ROS